

09 SEP 1999

Razaleigh-Reaksi

UMNO KELANTAN SAMBUT BAIK PELANTIKAN KU LI DUDUKI MT

KOTA BAHARU, 9 Sept (Bernama) -- Umno dan Barisan Nasional Kelantan menyambut baik pelantikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Tengku Razaleigh Hamzah untuk menduduki kerusi Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Setiausaha badan itu, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor berkata Umno negeri menghargai langkah Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

"Umno negeri mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas pelantikan itu dan percaya ia akan menambah kekuatan Umno di Kelantan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Ekoran pelantikan itu Tengku Razaleigh akan dapat berperanan secara lebih berkesan bagi mengukuhkan Umno Kelantan serta menjalin hubungan lebih rapat dengan pucuk pimpinan Umno pusat.

Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno malam tadi mengumumkan pelantikan Tengku Razaleigh dengan berkuatkuasa serta-merta atas faktor kedudukan beliau sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan peranannya dalam menghadapi pilihan raya umum.

Melalui pengumuman itu, Tengku Razaleigh yang dilantik sebagai pengerusi Umno Kelantan pada Jun lepas, kini kembali ke dalam badan tertinggi Umno itu setelah terkeluar daripada MT pada 1987.

Setiausaha BN Kelantan, Datuk Mohamed Ariffin Abdul Hamid pula berkata pelantikan itu membuktikan keyakinan pucuk pimpinan parti kepada Tengku Razaleigh.

Katanya ia juga sebagai pengiktirafan Dr Mahathir kepada Tengku Razaleigh yang kini bekerja keras bagi memastikan Umno dan BN memang dalam pilihan raya umum akan datang.

"Ini akan menguatkan iltizam anggota Umno dan BN dalam menghadapi Pas dalam pilihan raya umum nanti," katanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali menyifatkan pelantikan Tengku Razaleigh sebagai langkah memperkukuhkan lagi hubungan rakyat Kelantan dan Kerajaan Pusat.

"Pandangan yang akan dikemukakan oleh Tengku Razaleigh boleh dimanfaatkan terutama daripada segi pembangunan, politik, pendidikan," katanya.

Katanya Tengku Razaleigh wajar menduduki MT kerana beliau merupakan tokoh berpengalaman dan pernah menyandang jawatan Naib Presiden Umno.

Di BALING, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata pelantikan Tengku Razaleigh adalah langkah yang wajar.

Katanya, adalah pincang kalau Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri tidak menganggotai MT kerana di situlah tempat setiap dasar dan arahan parti ditentukan.

"Saya fikir itu adalah satu keputusan yang tepat dan akan menambah lagi semangat dan kekuatan Umno Kelantan... terima kasih saya lafazkan kepada Dr Mahathir," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata pelantikan Anggota Parlimen Gua Musang itu amat tepat kerana beliau berkarisma dan dihormati oleh rakyat Kelantan.

Tengku Razaleigh juga adalah seorang yang boleh dianggap "fasih" dalam susur-galur politik Kelantan, katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, pelantikan itu akan membolehkan Tengku Razaleigh melaksanakan dengan lebih giat semua strategi yang dirancang oleh Umno dan BN dalam usaha menawan semula Kelantan daripada Pas.

Katanya Wanita Umno Malaysia bersedia bekerjasama dan berbincang dengan Tengku Razaleigh bagi mencetuskan pelbagai strategi baru yang boleh disalurkan kepada Wanita Umno Kelantan untuk dilaksanakan.

Ini kerana Wanita Umno Malaysia menyedari bahawa Wanita Umno Kelantan berperanan penting bagi membantu BN memenangi pilihan raya di negeri itu, katanya.

-- BERNAMA

ZI ANM NY NMO